

PRESTASI PRODUKTIVITI BURUH MALAYSIA: SUKU KETIGA 2020


(Zaffrulla)
Telah disemak

1.0. TUJUAN

Tujuan laporan ini adalah untuk memaklumkan kepada Ahli Lembaga Pengarah berkaitan status prestasi produktiviti buruh di peringkat nasional dan sektoral bagi suku ketiga 2020 juga untuk mengetengahkan inisiatif yang dijalankan untuk memacu prestasi pertumbuhan produktiviti negara.

2.0. LATAR BELAKANG

Ekonomi negara terus terkesan akibat pandemik COVID-19 yang kini berada dalam gelombang ketiga. Pandemik ini telah memberi kesan ke atas operasi dan aktiviti perniagaan, produktiviti dan seterusnya merubah normal kehidupan masyarakat. Namun, pada suku ketiga 2020 kebanyakan sektor ekonomi utama negara menunjukkan pemulihan.

3.0. PRESTASI PRODUKTIVITI MALAYSIA

- i. Pada suku tahunan ketiga 2020, produktiviti buruh di Malaysia telah menunjukkan peningkatan berbanding dengan suku tahunan sebelumnya (-2.2%: suku ke-3, 2020, -16.0% suku ke-2, 2020). Prestasi ini telah menyumbang kepada prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (-2.7%) yang semakin pulih berbanding suku tahunan sebelumnya.
- ii. Ekonomi negara mula mengalami pemulihan pada suku tahunan ini dengan aktiviti ekonomi mula meningkat pertengahan bulan Jun. Berdasarkan kepada indikator makro, jumlah pekerja telah meningkat bermula bulan Julai (0.6%), dan seterusnya pada suku tahun ini jumlah pekerja mengalami peningkatan sebanyak 15.1 juta orang berbanding jumlah pekerja pada suku tahunan kedua sebanyak 14.88 juta orang.
- iii. Bagi sektor ekonomi utama, sektor pembuatan menunjukkan pemulihan dengan nilai ditambah (value added) menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan pertumbuhan sebanyak 3.3% berbanding dengan prestasi pada suku tahun yang sama tahun sebelumnya (-18.3% suku ke-2, 2020). Peningkatan ini

disumbang oleh peningkatan dalam nilai jualan subsektor produk kelengkapan pengangkutan dan pembuatan lain (14.3%), subsektor produk makanan dan minuman dan tembakau (14.2%) dan elektrik dan elektronik (7.2%).

- iv. Sektor perkhidmatan juga menunjukkan pemulihan dengan prestasi yang lebih baik dari suku tahun sebelumnya (-3.9%: suku ke-3, 2020, -15.7% suku ke-2, 2020). Prestasi ini disumbangkan oleh pemulihan dalam beberapa subsektor seperti subsektor perdagangan pemborong dan peruncitan mengalami pemulihan pada bulan September dengan menjana nilai jualan pertumbuhan sebanyak 0.2%. Ia merupakan pertumbuhan yang pertama sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan disebabkan pandemik dengan industri kenderaan bermotor mengalami pertumbuhan positif sebanyak 17.1% bersamaan RM2.0 bilion. Prestasi ini dijangka disebabkan oleh peningkatan dalam jualan automotif dengan berkuat kuasanya pelepasan cukai jualan untuk kenderaan bermotor.


4.0. PROSPEK PRESTASI PRODUKTIVITI

- i. Dalam situasi yang sedang dihadapi kini, pakar ekonomi dan penyelidik menjangkakan ekonomi negara akan kekal mengalami risiko penurunan pada suku tahunan keempat, walaupun keadaan ekonomi mengalami pemulihan pada suku tahunan ketiga. Ini disebabkan oleh kesan dari gelombang ketiga pandemik yang sedang dihadapi, keadaan perdagangan antarabangsa yang tidak stabil serta situasi politik dunia yang tidak menentu. Walaubagaimanapun, pasaran buruh tidak akan terjejas memandangkan beberapa pakej rangsangan ekonomi yang ditawarkan oleh kerajaan akan diteruskan.
- ii. Pandemik COVID-19 yang mengakibatkan permintaan luar yang lemah serta eksport barangan dan perkhidmatan yang menjunam memberi kesan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia menguncup kepada -3.1 peratus berbanding unjuran pertumbuhan awal sebanyak 6.0%. Pada tahun 2021, KDNK dijangkakan berkembang diantara 4.5% dan 7.5% didorong oleh struktur ekonomi yang pelbagai, sistem kewangan yang mantap, tindak balas kesihatan awam yang berkesan dan sokongan dasar makro ekonomi yang proaktif yang menunjukkan negara akan dapat mengatasi pandemik ini dengan lebih baik.
- iii. Berdasarkan unjuran tersebut, sehingga suku tahunan keempat 2021, negara dijangka kehilangan sekitar RM100 bilion hingga RM120 bilion dari nilai unjuran asal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebelum COVID-19 disebabkan kesan langsung dan tidak langsung pandemik. Potensi kerugian tersebut disebabkan oleh tahap produktiviti pekerja yang lemah sepanjang tempoh

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang disebabkan oleh penutupan sementara aktiviti ekonomi terpilih dan permintaan luar negara yang lemah (Rajah 1.0).

- iv. Negara akan mengalami kerugian pada tahap produktiviti iaitu sekitar RM25 ribu hingga RM30 ribu bagi setiap pekerja sehingga suku tahunan keempat 2021, potensi kerugian ini adalah perbezaan diantara unjuran sebelum dan selepas pandemik COVID-19.

Rajah 1.0: Unjuran KDNK dan Produktiviti 4Q2020 hingga 4Q2021




5.0 KAJIAN IMPAK PANDEMIK KE ATAS ORGANISASI

- i. COVID-19 telah mengakibatkan negara kehilangan KDNK dan kerugian dalam tahap produktiviti. Industri dan organisasi juga tidak terkecuali dari menerima kesan daripada pandemik ini. Bagi mengetahui impak pandemik keatas organisasi, MPC telah mengambil inisiatif untuk menjalankan kaji selidik. Kaji

selidik telah dijalankan melibatkan tiga (3) fasa, iaitu fasa pertama pada bulan April; fasa kedua pada bulan Julai; dan fasa ketiga pada bulan Oktober. Tujuan kaji selidik mengikut fasa ini adalah untuk melihat tahap impak pandemik keatas organisasi sepanjang penularan wabak. Kaji selidik ini telah dijalankan keatas organisasi terpilih di sembilan (9) sektor keutamaan.

- ii. Secara ringkasnya, didapati impak pandemik keatas keyakinan organisasi untuk menjalankan perniagaan dalam norma baharu semakin meningkat (Rajah 2.0). Dengan ini dapat disimpulkan bahawa syarikat telah mula dapat menyesuaikan diri dengan keadaan perniagaan norma baharu dan insentif serta program-program yang dijalankan dapat membantu syarikat untuk kekal dalam industri.

Rajah 2.0: Pandemik vs Impak Keatas Organisasi



6.0 INISIATIF UNTUK MENINGKATKAN PRESTASI

- i. Bagi mencapai senario pertumbuhan yang pesat (seperti di Rajah 1), dan menggalakkan syarikat meneruskan perniagaan dalam suasana norma baharu seterusnya menjamin syarikat kekal dalam industri dan pasaran serta terus berdaya saing, beberapa inisiatif telah dijalankan. Inisiatif ini dijalankan mengikut empat strategik utama *Malaysia Productivity Blueprint* (MPB) iaitu, bakat dan

kemahiran, insentif, teknologi dan amalan peraturan yang baik untuk perniagaan yang konklusif.

- iii. Pekerja merupakan salah satu input terpenting dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, insentif berkaitan dengan peningkatan produktiviti pekerja diperkenalkan. Syarikat digalakkan untuk mengamalkan sistem upah yang dikaitkan dengan produktiviti (PLWS). Sistem ini akan menggalakkan peningkatan produktiviti, keuntungan dan upah pekerja melalui amalan kemakmuran bersama. Sehubungan dengan itu, MPC memperkenalkan eSPO (*eShared Prosperity Organisation*) yang mana ia merupakan satu sistem untuk syarikat mengamalkan PLWS.
- iv. Kesediaan perusahaan untuk menerima pakai dan mengeksploitasi teknologi dan kelebihan digital (seperti Revolusi Industri Ke-4) perlu diperkukuhkan bagi meningkatkan produktiviti. MPC terus mempergiatkan usaha meningkatkan penyertaan sektor perniagaan dalam agenda nasional melalui *Industry4RWD Readiness Assessment (RA)*. Melalui sembilan nexus produktiviti di bawah MPB, MPC akan terus melaksanakan RA bagi membantu 500 syarikat ke arah migrasi operasi teknologi Industri 4.0. Program Produktiviti 1010 turut diperkenalkan bagi membantu syarikat merangka strategi secara inklusif ke arah transformasi digital. Inisiatif ini mendapat sokongan dan perhatian di peringkat antarabangsa melalui dana khas Asian Productivity Organisation (APO) bagi melaksanakan program pembangunan kapasiti yang akan memberi manfaat kepada sektor perniagaan yang terjejas akibat wabak COVID-19.
- v. Insentif dan lain-lain keperluan sokongan kewangan hendaklah dikaitkan secara langsung dengan produktiviti untuk meningkatkan kecekapan dan prestasi sesebuah organisasi. Amalan baik pengurusan insentif iaitu dari segi perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan (4P) akan membawa kepada keberhasilan insentif yang berkualiti dan bersasar bagi meningkatkan produktiviti. Bagi mencapai matlamat ini, EPU dan MPC bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dalam menyelaraskan geran, insentif, pinjaman mudah dan lain-lain mekanisme pembiayaan kepada metrik produktiviti.
- vi. Halangan keatas pengawalseliaan perlu dikurangkan, dan peraturan yang digunakan perlu konsisten bagi memudahkan dan mengurangkan kos menjalankan perniagaan. MPC melalui program MyMudah terus membantu perniagaan dengan mengenal pasti dan mengurangkan beban peraturan yang tidak perlu untuk menyokong pemulihan perniagaan. Inisiatif ini juga bertujuan

untuk menurunkan kos perniagaan dan mewujudkan pekerjaan di samping merangsang ekonomi.

- vii. Selain itu, bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif, MPC melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 25 Jun 2020, telah diberikan mandat untuk memastikan semua kementerian/agensi/jabatan di peringkat persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan yang bertanggungjawab mengeluarkan permit dan lesen supaya menerbitkan Garis Panduan Permohonan Lesen dan ia hendaklah dipaparkan secara dalam talian untuk makluman umum. Tujuannya adalah supaya ruang dan peluang untuk sebarang salah guna kuasa dan amalan rasuah dapat dibanteras selaras dengan perkara 2.1.6 di bawah Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP). Pelaksanaan mandat ini mendapat sokongan dan kerjasama oleh Pusat Governans, Integriti & Anti-Rasuah Nasional (GIACC).

7.0. KESIMPULAN

Ahli Lembaga Pengarah untuk mengambil maklum akan prestasi produktiviti Malaysia bagi suku tahunan ketiga 2020. Dengan situasi ekonomi negara dan dunia ketika ini, adalah dijangkakan pada suku tahunan keempat 2020, negara masih berada di peringkat pemulihan dan prestasi produktiviti mengalami pertumbuhan yang perlahan.